

Sukarelawan AS kagum kepemimpinan Mahathir

B.H 14 NOV 199

P

LEBIH kurang 500 sukarelawan Amerika Syarikat dan kakitangan Universiti Berkeley, Los Angeles (LA) yang mendengar ceramah khas mengenai pembangunan Malaysia kagum dengan maklumat mutakhir negara ini. Ceramah itu disampaikan oleh Ketua Cansori Konsul Jeneral Malaysia di L A, Johari Bakar. Ia berjaya membangkitkan kesedaran baru kepada kalangan ahli akademik dan sukarelawan Amerika yang pernah berkhidmat di merata dunia, khususnya Malaysia selama 26 tahun, mulai 1961.

Bagi bekas sukarelawan Amerika dan kakitangan akademik universiti berkenaan, pembangunan mutakhir Malaysia, terutama di bawah era kepemimpinan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, sangat memberangsangkan.

Selama ini, kebanyakan mereka tidak tahu apa yang berlaku di Malaysia sehingga keadaannya sering dianggap sama seperti Malaya. Menyedari hakikat itu, sebelum memulakan ceramah, Johari menayangkan sebuah filem dokumentari mengenai pembangunan Malaysia masa kini. Filem dokumentari setengah jam itu dipenuhi dentuman bunyi tiang konkrit yang dihentak ke bumi, menandakan pembangunan pesat.

Sebaik saja tayangan selesai, Johari berkata: "Itulah panorama di Malaysia sekarang. Hampir setiap saat, gema pembangunan memenuhi ruang yang kosong di Malaysia." Beliau seterusnya membawa ingatan hadirin kepada sejarah Malaysia yang membawa banyak perubahan kepada penduduknya.

"Dalam perjuangan membebaskan tanah air, kami berjaya mencapai kemerdekaan dalam suasana damai dan aman," kata Johari.

Menurut Johari, sebilangan bekas sukarelawan yang pernah berkhidmat di negara ini dan kembali ke Amerika pada 1987 mungkin sedar perubahan di Malaysia baru-baru ini, tetapi bagi sebahagian besar rakyat Amerika yang lain, Malaysia terlalu asing. Untuk itu, Johari menunjukkan kedudukan Malaysia dari segi geografi dan kepentingannya di Asia.

Beliau juga menegaskan, penduduk majmuk Malaysia begitu unik kerana mereka dapat hidup bersama tanpa masalah.

Bagi memberi gambaran lebih jelas mengenai Malaysia, Johari menarik perhatian mereka kepada beberapa petikan ucapan yang pernah disebutkan oleh bekas Duta Amerika Syarikat di Malaysia, Cleveland: "Malaysia adalah sebuah negara yang indah dan menarik. Ia maju dan moden, mempunyai sekolah antarabangsa yang unggul dan pelbagai kemudahan rekreasi, banyak pasar raya serta rumah yang selesa untuk didiami." - Oleh Tajuddin Saman.